

CNS6132

U GB 15-08 00160 BA704

bah

HUKUM HUDUD PAS BUKAN HUKUM HUDUD SEBENAR, KATA PM

Mahathir - Hudud

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak dapat menerima hukum hudud seperti yang diperjuangkan oleh PAS kerana menganggap ia tidak menepati hukum Islam sebenar.

Perdana Menteri berkata terdapat perbezaan antara hukum Hudud sebenar dan apa yang beliau sifatkan sebagai +hukum hudud PAS+.

+Kita yakin apa yang dikatakan oleh PAS sebagai hukum hudud adalah hukum hudud PAS dan bukan hukum Hudud Islam.

+Kita tidak boleh terima hukum hudud PAS kerana kita terima hukum hudud Islam,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA di sini.

Ketika berucap, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO, berkata PAS menggunakan hukum hudud sebagai senjata politik terhadap UMNO.

+Hukum Hudud PAS dan Hukum hudud Islam bukanlah perkara yang sama dan UMNO tetap tidak akan menyokong hukum hudud PAS,+ kata beliau. -- Lagi

▼15/08/14-02MST

CNS6133

U GB 15-08 00132 BA705

bah

Mahathir - Hudud 2 (Akhir) Kuala Lumpur

PAS, yang kini mentadbir kerajaan negeri Kelantan, bercadang untuk melaksanakan hukum hudud, yang merupakan undang-undang jenayah Islam, di negeri itu.

Bagaimanapun, cadangannya itu menghadapi kritikan daripada pelbagai pihak khususnya parti-parti politik bukan Islam seperti DAP, MCA dan Gerakan.

Perdana Menteri juga memberitahu pemberita bahawa PAS telah menjadi punca kepada perpecahan umat Islam di negara dalam beberapa kejadian yang lepas.

+Kalau dulu, orang Islam sembahyang bersama, kerana ada PAS, mereka perpecah dua kerana ada dua imam.

+Ada perkuburan yang berasingan, kahwin tidak boleh...ini semua tafsiran PAS,+ kata Dr Mahathir.

Kerajaan mendapati apa yang dikatakan sebagai ajaran Islam oleh PAS ada kalanya berbeza dengan apa yang diajar oleh Islam, kata beliau. -- Bernama

▼15/08/14-03MST